

**Kota Kinabalu:** Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik Universiti Malaysia Sabah (PPUMS) hampir 'dibaham' pasukan Istana Negeri Sabah (Istana) dalam satu perlawanan persahabatan bola sepak yang berkesudahan seri 2-2, dekat sini, baru-baru ini.

Ketinggalan 0-1 seawal minit kelima pada separuh masa pertama langsung tidak mematahkan semangat PPUMS untuk mencari gol, meskipun terpaksa akur dengan penguasaan permainan daripada pasukan Istana.

Selang 15 minit kemudian sebelum tamat masa pertama, Istana sekali lagi menyumbat jaringan melalui rembatan deras pemain penyerang menumpaskan penjaga gol PPUMS, Samsuidin Nurdin.

Bagaikan tersentak dengan kehebatan pasukan lawan, PPUMS kemudiannya bangkit memperkemas aksi permainan babak kedua dan sentuhan penyerang, Charles Thomas membuatkan hasil apabila cubaannya ketika aksi separuh masa kedua

yang baru memasuki minit ketiga berjaya mencecah jaring.

#### **Sekat kemaraan**

Selepas itu, Istana cuba mengkekang kemaraan pasukan PPUMS dengan melancarkan serangan bertubi-tubi, namun gagal menewaskan penjaga gol gantian, Prof Madya Dr Raman Noordin yang bertindak cemerlang



Pemain Istana (kanan) diasak pemain PPUMS.

# **PPUMS bankit**

DH 13.3.2014 V16  
untuk menafikan segala asakan.

Dalam keghairahan untuk menambah jaringan, kealpaan di bahagian pertahanan pasukan Istana pada minit ke-85 dihukum PPUMS apabila pemain sayap, Hamudin Tarinchang berjaya meloloskan diri sebelum menewaskan penjaga gol dengan satu sepakan mudah.

Perlawanan persahabatan yang diadakan di Stadium UMS itu turut disaksikan Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Norlidah RM Jasni;



Pemain PPUMS cuba melepas pemain pertahanan Istana.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan isteri, Datin Baidah

Ibrahim serta Ketua Perpustakaan UMS, Dayang Rukiah Awang Amit.



Pemain PPUMS (jersi merah) cuba melepas dua pertahanan Istana dalam aksi perlawanan persahabatan itu.